

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 5 (8)
Tarikh : 20 Oktober 2022

POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 11/ 2022

PROSES PENYENARAIAAN DAN PENDAFTARAN AKREDITASI DALAM *MALYSIAN QUALIFICATIONS REGISTER* (MQR) BAGI PROGRAM YANG TELAH MENDAPAT PERAKUAN AKREDITASI BADAN PROFESIONAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Makluman MQA Bil.7/2019 iaitu "Ketetapan Mengenai Pengemukakan Dokumen dan Fi Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi Program Profesional ke MQA".

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, surat makluman tersebut menyatakan tentang keperluan pihak PPT untuk mengemukakan dokumen permohonan beserta fi bagi program profesional kepada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) terlebih dahulu sebelum MQA mengemukakannya kepada Badan Profesional yang berkenaan bagi tujuan penilaian.

3. Berdasarkan proses tersebut, MQA telah menerima permohonan daripada beberapa PPT untuk penyenaiaan dan pendaftaran akreditasi di dalam MQR bagi program profesional yang tidak memohon Akreditasi Penuh melalui MQA namun telah mendapat Akreditasi daripada Badan Profesional.

4. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan penyelarasan, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi MQA Bilangan 12/2022 bertarikh 18 Ogos 2022 telah memutuskan supaya proses penyenaiaan dan pendaftaran akreditasi dalam MQR bagi program profesional yang telah mendapat Akreditasi daripada Badan Profesional dilaksanakan berdasarkan ketetapan berikut:

- i) Fi proses MQA adalah mengikut agihan yang telah dipersetujui dengan Badan Profesional untuk setiap kitaran (*cycle*) tempoh Perakuan Akreditasi untuk setiap program yang terlibat.
- ii) Fi untuk perakuan Akreditasi Sementara adalah sebanyak RM100 bagi setiap program yang belum memohon Akreditasi Sementara.
- iii) Fi untuk proses pengeluaran Sijil Perakuan Akreditasi adalah sebanyak RM100 untuk setiap program; dan

- iv) Bayaran fi tersebut perlu dikemukakan bersama-sama dokumen berikut:
- a. Sijil Perakuan Akreditasi daripada Badan Profesional untuk setiap *cycle*/ Pengesahan tempoh Perakuan Akreditasi bagi setiap *cycle* dari Badan Profesional tersebut;
 - b. Laporan penilaian daripada Badan Profesional untuk setiap *cycle*; dan
 - c. Bukti pembayaran fi penilaian kepada Badan Profesional (resit dan *invois*) untuk setiap *cycle*.

5. PPT juga dimohon untuk mengambil maklum akan keputusan mesyuarat yang turut bersetuju untuk menetapkan caj kelewatan permohonan penyenaian dan pendaftaran akreditasi dalam MQR bagi program yang telah mendapat akreditasi oleh Badan Profesional seperti berikut:

- i) Bagi permohonan penyenaian yang diterima mulai dari tarikh surat pemakluman ini dikeluarkan sehingga 31 Disember 2022, caj kelewatan ditetapkan adalah sebanyak RM250.00 untuk setiap permohonan, program dan *cycle*.
- ii) Bagi permohonan penyenaian yang diterima mulai 1 Januari 2023, caj kelewatan ditetapkan sebanyak RM1,000.00 untuk setiap permohonan, program dan *cycle*.

6. PPT adalah dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya agar urusan penyenaian dan pendaftaran Akreditasi dalam MQR bagi program yang telah mendapat Perakuan Akreditasi Badan Profesional dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Kegagalan PPT untuk mematuhi pelaksanaan ketetapan seperti di atas akan menyebabkan program-program yang terlibat tidak dapat disenaraikan di dalam MQR yang merupakan daftar yang menyenaraikan kesemua kelayakan pengajian tinggi yang diakreditasi oleh MQA.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaya
Aras 9, Bangunan Canseleri
50603 W.P KUALA LUMPUR
8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canseleri
43600 BANGI, SELANGOR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

16. Pengerusi
Majlis Dekan Sains Kesihatan Universiti Awam
Pejabat Dekan
Kulliyah Sains Kesihatan Bersekutu
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
P.O Box 141
25710 KUANTAN, PAHANG

17. Pendaftar
Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok A, Bangunan Utama Chancery Place
Jalan Diplomatik 2, Presint Diplomatik
Presint 15
62650 W.P. PUTRAJAYA